

21 DEC 2002

Tajol-PBT

PERAK TIDAK HADAPI MASALAH PBT GAGAL KUTIP CUKAI

IPOH, 21 Dis (Bernama) -- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Perak, tidak menghadapi masalah dalam mengutip cukai tetapi cukai yang dikutip oleh beberapa PBT tidak cukup untuk menampung urusan pembayaran gaji dan pembangunan PBT itu sendiri.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, hanya tiga PBT yang mampu berdikari iaitu Ipoh, Manjung dan Taiping.

"Manakala PBT yang lain, mereka terpaksa di bantu oleh Kerajaan Negeri kerana kutipan cukai tidak cukup untuk membantu mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Hari Raya Aildilfitri Majlis Belia Malaysia (MBM) di Dataran Ipoh, di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo yang juga Presiden MBM dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang merupakan Presiden Gerakan Belia 4B.

Tajol Rosli berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa ada PBT lembap dalam mengutip cukai sehingga menyebabkan mereka gagal mendapat pungutan yang baik untuk melaksanakan projek pembangunan.

Perdana Menteri berkata akibatnya PBT terbabit terpaksa meminta bantuan kewangan daripada kerajaan sedangkan kerajaan memerlukan wang untuk kegunaan lain.

Tajol Rosli berkata walaupun kutipan PBT berada pada tahap yang baik, Kerajaan Negeri akan memastikan ia dapat dipertingkatkan lagi sesuai dengan saranan Perdana Menteri yang mahukan kutipan PBT melebihi 80 peratus.

" Kalau jumlah kutipan tidak sampai 80 peratus dan terdapat kekurangan dalam pendapatan mereka, Kerajaan Negeri tidak akan menampung kekurangan itu," katanya.

Sementara itu, Khir berkata kerajaan negeri Selangor sentiasa memantau kutipan cukai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui satu jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan sejak setahun yang lepas.

" Sebelum ini, Kajang adalah satu-satunya PBT yang bermasalah iaitu dengan kutipan cukai tidak sampai 50 peratus tetapi sejak penubuhan jawatankuasa itu, kutipan telah mencapai 89 peratus. PBT yang lain tiada masalah.

" Kita dah tetapkan sasaran kutipan PBT perlu mencapai 90 peratus jika mereka hendak menaikkan cukai. Jika tidak, kita tidak luluskan kenaikan cukai kerana tidak mahu hutang tertunggak yang banyak.

" Tindakan mengutip cukai mungkin menyebabkan mereka tidak popular tetapi rakyat tetap kena bayar cukai. PBT mengharapkan banyak pendapatan daripada cukai untuk bangunkan kawasan mereka," katanya.

Bagi Melaka, Mohd Ali berkata kebanyakan cukai yang gagal dikutip adalah bagi rumah-rumah kosong dan juga hotel-hotel yang terletak di kawasan terpencil.

"Secara keseluruhannya, kutipan cukai PBT di Melaka baik dan jika adalah masalah tunggakan, PBT tetap dapat digerakkan sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak luar," katanya

Selain itu, pihak-pihak yang tidak membayar cukai sebenarnya telah dihasut oleh golongan tertentu supaya menentang kerajaan.

-- BERNAMA

KAY PR